

15 APR 1997

LEAD Mahathir-Telesidang

DR MAHATHIR TERANGKAN MATLAMAT MSC MENERUSI TELESIDANG

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghabiskan masa kira-kira dua jam memberi penerangan kepada rakyat Malaysia mengenai projek Koridor Raya Multi Media (MSC) dalam sesi telesidang terbesar pernah diadakan di negara ini.

Dari sebuah bilik mesyuarat di Jabatan Perdana Menteri, Dr Mahathir bercakap kepada peserta yang berada di 27 tempat yang terpilih menerangkan kepada mereka matlamat dan manfaat projek itu serta menjawab pertanyaan daripada mereka.

Antara yang menyertai telesidang itu ialah menteri besar dan ketua menteri.

Empat belas orang daripada peserta itu yang mempunyai latar belakang yang pelbagai mengemukakan pertanyaan kepada Perdana Menteri mengenai projek itu. Mereka terdiri daripada pegawai kanan kerajaan, ahli perniagaan, guru, ketua kampung dan pelajar.

Inilah kali pertama Dr Mahathir mengadakan sesi dialog ke seluruh negara dengan menggunakan teknologi multi media.

Peserta mengemukakan pelbagai pertanyaan meliputi bagaimana kerajaan mahu menyekat unsur-unsur negatif dalam penggunaan MSC hingga kepada bagaimana industri yang berada di luar kawasan MSC dapat mendapat manfaat daripada projek bernilai berbilion ringgit itu.

Sementara itu, ketua eksekutif Telekom Malaysia Bhd, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali berkata syarikat senaraian awam itu telah membelanjakan kira-kira RM3 juta untuk mengadakan sesi telesidang itu.

MSC, yang diwujudkan khusus untuk menarik penyertaan firma-firma multi media terkemuka dunia membuat pelaburan, merangkumi kawasan seluas 15 km kali 50 km dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di utara hingga ke selatan di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Telesidang itu mendapat sambutan positif daripada kalangan Menteri Besar dan Ketua Menteri yang ditemui selepas acara itu.

Di ALOR SETAR, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid berkata kaedah berdialog itu adalah program yang baik, yang secara langsung mendedahkan misteri era siber yang sedang menguasai kehidupan masyarakat.

Sanusi berkata kerajaan negeri merancang pelbagai program untuk merapatkan masyarakat kepada komputer, termasuk melancarkan program komputer di masjid-masjid dan menyediakan kemudahan multimedia di Pusat Bacaan Rakyat yang dicadangkan pada peringkat permulaan di lima buah kampung di negeri ini.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman berkata urusan pentadbiran antara pusat pentadbiran kerajaan negeri di Bukit Timbalan dengan pejabat daerah akan dijalankan secara elektronik mulai pertengahan tahun ini.

Katanya pada tahun depan usaha akan ditumpukan terhadap mewujudkan rangkaian hubungan seumpama itu dengan sektor swasta bagi meningkatkan prestasi jabatan kerajaan serta memudahkan maklumat diperolehi oleh sektor swasta.

Menurutnya kerajaan negeri telah mengenal pasti satu kawasan yang terletak antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai dan Bandar Nusajaya, yang akan dimajukan sebagai pusat industri maklumat dan diberi nama Teknopolis Johor.

Di IPOH, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata kerajaan negeri akan menggunakan kemudahan yang bakal disediakan MSC untuk membantu

pembangunan industri maklumat di Perak terutamanya dalam usaha mempercepatkan pelaksanaan kerajaan elektronik.

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyarankan supaya kerajaan pusat memberikan geran kewangan kepada negeri itu bagi membantu penduduk tempatan menguasai teknologi maklumat dengan berkesan.

Menurutnya kelas Sains Tulen khusus untuk pendidikan komputer yang diwujudkan dua tahun lepas di sekolah agama Maahad Muhammadi di sini akan diperluaskan ke sekolah-sekolah agama kelolaan kerajaan negeri.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata kerajaan negeri sudah mula mengorak langkah dalam menerangkan kepada ketua-ketua jabatan serta kakitangan kerajaan di negeri ini mengenai MSC sejak beberapa bulan lepas.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata kerajaan negeri akan mewujudkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji peluang-peluang yang perlu diadakan dalam bidang teknologi maklumat sejajar dengan perkembangan projek MSC.

Katanya lagi perbincangan telah diadakan dengan Telekom Malaysia bagi tujuan memasang kabel optik di Wisma Darul Iman iaitu pejabat pentadbiran negeri untuk kegunaan apabila kerajaan elektronik dimulakan di seluruh negara.

Di KUCHING, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata sebuah perkampungan siber akan diwujudkan di negeri itu bagi menyokong pembangunan MSC.

Katanya perkampungan itu akan ditempatkan di Taman Industri Berteknologi Tinggi Sama Jaya dekat sini.

"Kita mesti mendapatkan maklumat balas dari pakar-pakar teknologi maklumat mengenai cadangan mewujudkan perkampungan itu," katanya. --
BERNAMA

MAM NI MAI